



Ruj.Kami: SMKCJP 600-2/1 (1)
Tarikh: 18 Januari 2021

**Kepada,
Ibu bapa / Penjaga,
Puteri Tingkatan 5 Tahun 2020
SMK Convent Jalan Peel**

Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN MENGENAI WAKTU PERSEKOLAHAN DAN PERANCANGAN
KURIKULUM BAGI MURID-MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2020 SEBELUM SPM 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan penuh takzimnya, pihak sekolah ingin memaklumkan kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai **Pengoperasian Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Seluruh Malaysia** pada 16 Januari 2021 memaklumkan bahawa murid Tingkatan 5 tahun 2020 yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 akan mengikuti pembelajaran secara **bersemuka mulai 20 Januari 2021 (Rabu)**. Waktu Persekolahan Tahun 2021 **mulai 20 Januari 2021** bagi murid-murid **Tingkatan 5 Tahun 2020** SMK Convent Jalan Peel adalah seperti berikut:

Kelas \ Hari	TAHUN	Isnin - Khamis	Jumaat
Tingkatan 5	2020	7.30 pagi – 2.30 petang	7.30 pagi – 12.30 tengah hari

3. Bagi memastikan keselamatan murid-murid dan pematuhan SOP Covid-19 sepanjang berada di dalam kawasan sekolah dan di luar sekolah apabila sesi persekolahan berakhir, ibu bapa/ penjaga dimohon mengingatkan anak-anak untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga seperti **memakai pelitup muka, menjaga jarak fizikal dan mensanitasi tangan di sepanjang masa**.

4. Merujuk **Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Pengoperasian Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semuruh Negara**, dengan ini dimaklumkan bahawa Peperiksaan Percubaan SPM bagi calon SPM tahun 2020 tidak dijalankan seperti yang dijadualkan.

5. Pihak sekolah amat mengharapkan kerjasama semua ibu bapa/ penjaga untuk memastikan kehadiran anak/ anak jagaan tuan/ puan ke sekolah untuk sesi PdP bersemuka **mulai 20 Januari 2021 hingga peperiksaan SPM 2020 bermula pada 22 Februari 2021 hingga 25 Mac 2021**. Pihak sekolah sudah membuat perancangan kurikulum untuk meningkatkan pencapaian akademik murid sebagai persediaan terakhir sebelum menduduki peperiksaan SPM 2020. Bersama-sama ini disertakan Jadual Waktu Tingkatan 5 tahun 2020.